

**LUAK**, wilayah tanah jajahan atau daerah tradisi di Negeri Sembilan yang diketuai oleh seorang undang di Negeri Sembilan. Terdapat empat luak utama iaitu Luak Sungai Ujong, Luak Rembau, Luak Jelebu dan Luak Johol.

Di samping empat luak ini, terdapat luak lain yang diketuai oleh penghulu iaitu Hulu Muar, Jempol, Gunung Pasir, Teraci, Inas, Gemenceh, dan empat luak kecil iaitu Hulu Muar, Jempol, Gunung Pasir dan Teraci dinamakan Luak Tanah Mengandung kerana melengkungi Luak Raja iaitu Seri Menanti. Pada asalnya, Luak Tanah Mengandung ini terletak di bawah kuasa Luak Johol. Bagaimanapun, disebabkan perkembangan kuasa Yamtuan Besar, Luak Tanah Mengandung lebih terikat pada Luak Seri Menanti.

Undang dan empat luak utama tadi menjadi sebuah Lembaga untuk menentukan siapa yang menjadi Yamtuan Besar daripada kalangan keturunan diraja di Seri Menanti. Upacara ini dijalankan dengan kerjasama semua undang dan penghulu di semua luak.

Selain Negeri Sembilan, wilayah adat Naning di utara Melaka juga secara tradisi dinamakan Luak Naning. Disebabkan perubahan politik di Melaka, kedudukan Ketua Wilayah Naning ini tidak diiktiraf sebagai seorang Undang, tetapi sebagai penghulu biasa.